

**Pembukaan Parlimen Lancar, Isu PRU13 Antara Yang Mendominasi Minggu Pertama**  
**Bernama**  
**28 Jun, 2013**

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Minggu pertama persidangan penggal pertama Parlimen ke-13 bermula lancar, namun gelagat segelintir anggota Parlimen yang baharu dan lama antara yang menarik perhatian sepanjang mesyuarat berlangsung.

Rata-rata anggota Parlimen tidak memerlukan masa lama untuk menyesuaikan diri, sebaliknya masing-masing seolah-olah tidak sabar untuk berdebat, dengan beberapa isu termasuk pilihan raya umum ke-13 (PRU13) dan kedaulatan institusi beraja antara yang mendominasi dan membangkitkan Dewan Rakyat.

Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen ke-13 bermula Isnin dengan acara mengangkat sumpah anggota Parlimen dan pemilihan Yang Dipertua Dewan Rakyat serta dua timbalannya.

Walaupun banyak pihak yang meramalkan kekecohan akan berlaku susulan cadangan pakatan pembangkang untuk memboikot majlis angkat sumpah anggota Parlimen, namun tanggapan itu tersasar apabila kesemua 89 wakil rakyat pembangkang menyertai upacara itu.

Komposisi Dewan Rakyat selepas PRU13 menyaksikan BN menguasai 133 kerusi berbanding 89 di pihak pembangkang, merangkumi DAP 38, PKR 30 dan PAS 21.

Hari pertama persidangan menyaksikan Tan Sri Pandikar Amin Mulia dipilih semula sebagai Yang Dipertua Dewan Rakyat selain anggota Parlimen Beluran Datuk Ronald Kiandee dan anggota Parlimen Kuala Krau Datuk Ismail Said dipilih sebagai timbalan yang dipertua.

Proses pemilihan pengerusi mesyuarat itu bagaimanapun sedikit terganggu apabila segelintir anggota Parlimen pembangkang mempertikai kaedah undi bersurat yang dijalankan kerana mendakwa tiada kerahsiaan setelah mereka dikehendaki menandatangani kertas undian yang diberikan.

Malah perkara itu menjadi modal pembangkang yang secara berterusan mengaitkan proses itu dengan dakwaan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak telus dalam mengendalikan PRU13, 5 Mei lepas.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berkenan berangkat ke majlis pembukaan Parlimen ke-13 pada Selasa. Seri Paduka turut menyampaikan titah yang menyentuh pelbagai isu semasa.

Antaranya, Seri Paduka bertitah mengingatkan semua pihak supaya menerima keputusan PRU13, meminta rakyat membuang sifat-sifat yang boleh membawa perpecahan serta mengingatkan anggota Parlimen supaya tidak mengambil tindakan yang boleh menjurus kepada kemusnahan negara.

Titah ketua negara itu bagaimanapun menimbulkan polemik di Dewan Rakyat apabila reaksi beberapa anggota Parlimen pembangkang, termasuk Penasihat PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim seolah-olah mempersoal titah Seri Paduka.

Ini kerana menurut Anwar, titah Seri Paduka itu boleh dibahas, dipertikai dan dibantah daripada segi hujah kerana fakta yang dikemukakan adalah dari kerajaan Barisan Nasional (BN).

Kenyataan itu disifatkan anggota penyokong kerajaan sebagai tidak menghormati Yang di-Pertuan Agong, menyebabkan beberapa anggota Parlimen kerajaan termasuk Datuk Shamsul Anuar Nasarah (BN-Lenggong) dan Datuk Bung Mokhtar Radin (BN-Kinabatangan) menyarankan supaya akta khas digubal bagi memastikan kedaulatan institusi beraja terus terpelihara.

"Institusi beraja adalah tonggak yang perlu dihormati dan tidak kira fahaman politik, kaum atau agama, ia adalah lanjutan pemerintahan diraja yang diwariskan dengan konsep raja berperlembagaan dan melalui sistem itu telah berjaya meletakkan negara di tempat yang tinggi," kata Shamsul Anuar.

"Saya cadang diwujudkan Akta Derhaka supaya tindakan boleh diambil terhadap mana-mana pihak yang menderhaka kepada Yang di-Pertuan Agong...mana-mana orang yang menghina kenakan hukuman tegas termasuk dipenjara," gesa Datuk Bung Mokhtar.

Persidangan minggu ini turut hangat dengan isu keputusan PRU13 dengan pakatan pembangkang tidak habis-habis mempertikai kemenangan BN dan mendakwa wujudnya penyelewengan dalam pengendalian PRU13 selain terus menjaja cerita kononnya mereka berhak membentuk kerajaan selepas meraih undi popular.

Muak dengan dakwaan-dakwaan itu, anggota Parlimen BN termasuk Tan Sri Annuar Musa (BN-Ketereh) mengingatkan pakatan pembangkang supaya tidak terlalu mendabik dada dan menjaja kisah undi popular itu, malah mereka juga tidak berhak menuntut mengenai undi popular kerana bertanding mengikut lambang parti masing-masing berbanding BN.

Muka-muka baharu seperti Datuk Abd Aziz Sheikh Fadzir (BN-Kulim-Bandar Baharu) dan Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican (BN-Kepala Batas) turut bersuara menggesa pembangkang menerima hakikat kekalahan mereka dan menerima kenyataan serta keputusan PRU13 bahawa rakyat telah memberi mandat kepada BN untuk terus menjadi kerajaan.

Insiden berdarah akibat pencerobohan penganas Sulu di Sabah turut menarik perhatian anggota Dewan Rakyat apabila beberapa wakil kerajaan dan pakatan pembangkang menggesa kerajaan mendedahkan dalang di sebalik insiden yang telah mengorbankan 10 anggota pasukan keselamatan negara.

Mereka berpendapat tindakan melengahkan pendedahan dan penghakiman ke atas dalang berkenaan akan menimbulkan syak wasangka berterusan dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, mesyuarat minggu ini turut menyaksikan Anwar dilantik sekali lagi sebagai ketua pembangkang di Dewan Rakyat, manakala Tan Sri Shahrir Samad dipilih sebagai pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan Barisan Nasional (BNBBC).

Anggota Parlimen Johor itu pernah memimpin BNBBC bagi penggal Parlimen ke-11 selama dua tahun sebelum meletak jawatan pada 2006.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=959646>